

Kebangkitan Penduduk Hulu Terengganu (1919-1928) Menentang British kerana Ajaran Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 150-160
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[The Rise of The People's of Hulu Terengganu (1919-1928) Against The British Because of The Teachings of Haji Abdul Rahman Limbung and Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau]

Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad¹

Abstrak

Penentangan penduduk Hulu Terengganu terhadap pentadbiran British berbeza dengan kebangkitan yang berlaku di tempat lain di Tanah Melayu. Kebanyakan pengkaji menyimpulkan bahawa mereka menentang British kerana dipengaruhi oleh sentimen agama Islam. Malah pihak British secara terang-terangan menuduh para ulama seperti Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau yang bertanggungjawab menghasut penduduk supaya menentang kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan ajaran para ulama dalam mencetuskan penentangan penduduk Terengganu khususnya di Hulu Terengganu terhadap pentadbiran British. Ia juga meneliti situasi ini sebagai pemungkin kepada kemuncak kebangkitan pada 1928 sehingga menyebabkan berlaku tragedi yang mengorbankan 11 nyawa. Kajian Ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian sejarah dan metode deskriptif serta metode sejarah untuk menganalisis data dan sumber kajian sama ada sumber primer ataupun sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa kebangkitan penduduk Hulu Terengganu kerana kepatuhan penduduk kepada tuntutan Islam berasaskan kepada ajaran para ulama yang menjadi rujukan dalam kehidupan mereka. Para ulama seperti Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau pula secara berterusan mengingatkan penduduk Hulu Terengganu supaya mereka sentiasa patuh dan tunduk kepada perintah Allah. Sebagai orang Islam, penduduk Hulu Terengganu yakin bahawa mereka tidak boleh meninggalkan peraturan sedia ada yang berasaskan Islam dan sebaliknya menerima peraturan British yang bukan dari ajaran Islam. Penerimaan tersebut bukan sahaja menyebabkan mereka berdosa, malah ia boleh menggugat akidah mereka.

Kata kunci:

Kebangkitan, Hulu Terengganu, British, Haji Abdul Rahman Limbung, Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

IZZIAH SURYANI MAT RESAD @ ARSHAD, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: izziah@ukm.edu.my

Abstract

Resistance the people's of Hulu Terengganu to the British administration in contrast to the rise that occurred in other places in Malaya. Most of the researcher concluded that they were against the British because influenced by the religious sentiment of Islam. In fact the British outright accuse the scholars like Haji Abdul Rahman Limbung and Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau responsible for inciting the people's to fight against the government. This study aims to analyze the role of the teachings of the scholars in the trigger resistance of the people's of Terengganu in particular in Hulu Terengganu to the British administration. It also examines this situation as a catalyst to highlight the revival in 1928 until the cause of the occurred tragedy which killed 11 lives. This study is a study of the shaped qualitatively by using the design of the study of the history and methods of descriptive as well as methods of history to analyze the data and study resources whether primary source or secondary. The results of the study found that the rise of the people's of Hulu Terengganu because of the adherence of the people's to the demands of Islam based on the teachings of the scholars that became a reference in their lives. The scholars like Haji Abdul Rahman Limbung and Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau in turn continuously remind the people's of Hulu Terengganu so that they are always compliant and subservient to the command of Allah. As Muslims, the people's of Hulu Terengganu convinced that they can not leave the existing rule that is based on Islam and on the contrary accept the rules of the British who are not from the teachings of Islam. Receipt of such will not only cause them to sin, in fact it can sue one of them.

Keywords:

Family interaction, converts, syarak, responsibility.

Cite This Article:

Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2020. Kebangkitan penduduk Hulu Terengganu (1919-1928) menentang British kerana Ajaran Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 150-160.

Pengenalan

Perjanjian 1919 membawa kepada penempatan Penasihat British di Terengganu. Dengan itu, bermulalah fasa baru dalam pentadbiran British di Terengganu. Penasihat British mengetuai sekumpulan pegawai British dalam pentadbiran Terengganu. Mereka memperkenalkan pelbagai pembaharuan termasuklah penguatkuasaan peraturan baru yang melibatkan penduduk Hulu Terengganu seperti penguatkuasaan undang-undang tanah baru yang berdasarkan sistem British. Melalui peraturan tanah baru, penduduk dikehendaki mendapatkan pas sebelum mengusahakan tanah-tanah yang dianggap sebagai tanah kerajaan. Sesiapa yang gagal berbuat demikian akan dihukum. Tindakan pihak kerajaan Terengganu yang dikuasai oleh pegawai British secara berterusan menguatkuasakan peraturan baru dan menghukum sesiapa yang melanggarinya telah menyebabkan penduduk Terengganu semakin tertekan dan berada dalam dilema. Ini adalah kerana, penduduk Terengganu sudah lama menggunakan sistem tanah tradisional yang berpaksikan sistem tanah Islam. Penduduk Terengganu yakin dengan ajaran guru-guru mereka bahawa kepatuhan kepada peraturan baru menyebabkan mereka menafikan kesyumulan hukum Islam dan melanggar sebahagian hukum Islam. Perkara ini dilarang dengan jelas dalam ayat-ayat al-Qur'an. Namun begitu, mereka juga tidak sanggup lagi menghadapi hukuman yang dikenakan oleh pihak kerajaan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut. Mereka juga terpaksa menghabiskan tenaga, masa dan wang untuk memenuhi kehendak pihak berkuasa. Kesulitan dan kesukaran yang mereka alami menyebabkan mereka semakin membenci pihak British. Kaki tangan kerajaan yang melaksanakan tugas mereka dianggap bersekongkol dengan orang kafir. Penentangan

kepada peraturan baru bukan sahaja berlaku di Hulu Terengganu, malah merebak sehingga ke Hulu Dungun dan Hulu Marang.

Walaupun menghadapi pelbagai tindakan daripada pihak berkuasa, penduduk Hulu Terengganu tetap merujuk kepada guru-guru mereka mengenai peraturan baru seperti soal mengambil surat kebenaran menebang tanah hutan untuk menanam padi. Para ulama menasihatkan mereka supaya jangan mengambil surat kebenaran untuk menebang pokok serta jangan mematuhi peraturan kafir. Ajaran bahawa barang siapa yang mengambil surat kebenaran dan membayar hasil menjadi kafir tersebar dalam kalangan penduduk Hulu Terengganu (Suk. Tr.1307/1346). Malah Haji Abdul Rahman Limbung sanggup bertanggungjawab dengan nasihat yang diberikan kepada penduduk hulu. Beliau bersedia membayar denda yang dikenakan ke atas penduduk hulu yang melanggar peraturan kerajaan. Contohnya, seramai lebih kurang 20 orang penduduk Kampung Ba’ul telah menebang hutan yang berumur lebih daripada 40 tahun tanpa mengambil pas kebenaran dengan alasan mereka diperintahkan oleh Sayyid Sagaf. Semua mereka telah dibicarakan di mahkamah dan didapati bersalah. Manakala itu, lebih daripada 20 orang penduduk Kampung Padang Setar pula telah peraturan menebang hutan dan melanggar keputusan Mahkamah Jenayah Kuala Berang pada tahun 1345 yang melarang mereka menanam tanaman kekal sebelum mereka mendapat kebenaran kerajaan. Mereka mendakwa melakukan perkara tersebut kerana diperintahkan oleh Haji Abdul Rahman Limbung. Semua mereka dibicarakan di Mahkamah Jenayah Kuala Berang dan didapati bersalah. Haji Abdul Rahman Limbung telah membayar semua denda yang dijatuhkan ke atas mereka (Suk. Tr.1307/1346).

Ajaran Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau kepada Penduduk Hulu Terengganu

Persoalan ‘*Tashabbuh*’ dengan Orang Kafir

Para ulama Terengganu menyebarkan ajaran bahawa peraturan baru merupakan peraturan kafir dan umat Islam dilarang mematuhi. Pendapat ini menimbulkan konflik dalam penerimaan atau kepatuhan kepada peraturan tersebut dalam kalangan penduduk Terengganu. Tindakan kerajaan yang semakin tegas menguatkuaskan peraturan baru menyebabkan para ulama semakin giat menjalankan gerakan mereka. Perkara ini mendapat perhatian mereka kerana umat Islam bukan sahaja diharamkan mengambil undang-undang selain daripada syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w melalui al-Qur'an dan al-hadis, malah mereka dilarang menyerupai amalan atau adat orang-orang kafir. Ulama seperti Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Minangkabau berpendapat perbuatan menerima atau mematuhi peraturan baru yang berasaskan perundangan British termasuk dalam masalah ‘*tashabbuh*’ iaitu penyerupaan orang Islam dengan penganut agama lain yang dilarang dalam ajaran Islam.

Situasi ini menimbulkan konflik kerana para fuqaha’ silam berpendapat hukum berkaitan *tashabbuh* ini merangkumi seluruh aspek kehidupan dan umat Islam diharamkan menyerupai amalan dan tindakan mereka dengan penganut agama lain. Fuqaha’ terdahulu mengharamkan umat Islam daripada memakai pakaian yang dipakai oleh penganut agama lain. Umat Islam dilarang daripada memakai seluar panjang, tali leher dan topi berdasarkan prinsip *tashabbuh* dengan penganut agama lain. Mereka yang mengeluarkan hukum sedemikian berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: Barang siapa yang menyerupai atau mencontohi cara hidup sesuatu kaum(bukan Islam) maka dia tergolong daripada kalangan mereka. Hadis ini diriwayatkan dengan pelbagai matan, akan tetapi semuanya membawa pengertian atau maksud yang sama (Lailatul Qodriyah 2019).

Pelaksanaan peraturan British di Terengganu dilihat oleh Haji Abdul Rahman Limbung berdasarkan konsep *tashabbuh* termasuklah gerakan imunisasi vaksin cacar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Tindakan ulama ini menyebabkan sebahagian penduduk Hulu Terengganu menentang

gerakan imunisasi vaksin cacar yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membendung jangkitan cacar dalam kalangan mereka. Keengganan rakyat Telemong membenarkan anak-anak mereka menerima suntikan vaksin cacar menyebabkan usaha pihak kerajaan tergendala. Pihak kerajaan telah menyalahkan Haji Abdul Rahman Limbung dan mengaitkan keengganan rakyat dengan larangan tokoh tersebut (Suk.Tr,1269/1342). J.L.Humphreys secara terang-terangan menyalahkan golongan ulama yang disifatkan sebagai fanatic dalam Laporan Tahunan 1923 ke Pejabat Tanah Jajahan kerana menghalang kelancaran kerja-kerja mananam cacar di kalangan kanak-kanak di Hulu Telemong dan Hulu Marang. Pihak British telah ‘menggunakan’ Pesuruhjaya Agama atau Pejabat Hal Ehwal Agama Islam untuk menangani masalah ini (C.O 840 1923). Penentangan penduduk Hulu Telemong dan Hulu Marang yang dipengaruhi oleh para ulama masih berterusan sehingga akhir tahun 1924 (C.O 840 1924).

Hasil penyiasatan yang dilakukan oleh Pejabat Agama Terengganu ke atas Haji Abdul Rahman Limbung mendapat penjelasan bahawa beliau bukannya menentang gerakan imunisasi cacar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Sebaliknya beliau mempertikaikan tindakan kaki tangan kerajaan iaitu ‘tukang cungkil’ yang didakwanya tidak berada dalam landasan akidah Islam. Beliau mendakwa ‘orang yang menjalankan pekerjaan cungkil itu tidak atas agama Islam’ kerana mereka memakai topi ‘cepiyau’ dan juga dakwaan mereka ‘bahawa suntikan cacar itu boleh meninggalkan bekas’ kepada kanak-kanak yang dicungkil. Malah beliau menganggap bahawa ‘tukang cungkil itu tidak berada pada iktikad yang sebenar’ (Suk.Tr,1269/1342). Ulama ini berpendapat pelaksanaan imunisasi cacar ini berhubung kait dengan masalah akidah akibat perlakuan dan tindakan kaki tangan kerajaan yang terlibat. Tindakan kaki tangan yang memakai topi ‘cepiyau’ merupakan satu tindakan ‘*tashabbuh*’ dengan orang kafir. Malah tindakan mereka yang mendakwa suntikan cacar boleh meninggalkan bekas melanggar dasar akidah Islam.

Haji Abdul Rahman Limbung berpegang teguh kepada konsep ‘*tashabbuh*’ dan dengan itu, beliau yakin bahawa peraturan baru tidak boleh dipatuhi kerana dikuatkuasakan berasaskan peraturan British yang merupakan orang kafir. Suasana dihangatkan lagi dengan realiti bahawa pada masa itu Perang Dunia I sedang berlaku yang melibatkan Kerajaan British dengan Turki Uthmaniyyah. Berdasarkan kepada zaman dan suasana di Terengganu pada ketika itu, para ulama bertindak menegah umat Islam daripada terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dengan perkara yang berkaitan dengan agama bukan Islam, sama ada bersifat syiar bagi agama mereka ataupun tidak sehingga membawa kepada pencegahan terhadap meniru atau menyerupai perkara-perkara yang berkaitan dengan cara hidup mereka seperti pakaian, percakapan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi mereka juga merupakan sebahagian daripada golongan tarikat dan tasawuf yang rigid dalam melaksanakan syariat Islam.

Haji Abdul Rahman Limbung contohnya, tidak pernah memakai pakaian yang dibuat oleh orang bukan Islam (Timah Hamzah 1981), apatah lagi mahu memakai pakaian yang menyamai orang bukan Islam. Pandangan Haji Abdul Rahman Limbung menepati pandangan ulama sezamannya. Ulama al-Azhar telah mengeluarkan fatwa bahawa umat Islam diharamkan memakai topi tersebut (al-Marbawi 1990). Ulama tersohor Patani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani menegaskan bahawa antara perkara yang membinaaskan iman ialah menyerupai perbuatan kafir serta menyukainya, dan memakai pakaian kafir seperti tali leher serta menyukainya. Pegangan ini juga terdapat dalam risalah *Safinat al-Awwam* yang ditulis oleh Haji Ahmad bin Haji Abdul Rauf (1856-1928). Beliau membicarakan sepuluh perkara yang membinaaskan iman, antaranya ialah menyerupai perbuatan kafir, serta memakai pakaian kafir seperti tali leher dan cepiyau (Abdul Rahman 1998).

Malah, sentimen anti-Belanda yang kuat di Indonesia dalam latar belakang masa yang sama, menyebabkan para ulama Indonesia mengharamkan orang Islam memakai pakaian yang menyerupai orang kafir. Fatwa dikeluarkan berhubung dengan hukum berpakaian serupa dengan orang Eropah atau Belanda. Orang-orang Indonesia yang memakai pakaian ala Eropah dianggap meniru-niru orang Eropah atau Belanda, iaitu orang-orang Kristian, dan kadangkala pula telah menjadi kafir. Lebih-lebih lagi memakai dasi(tali leher), celana pantalon dan topi ala Eropah, sangatlah dibenci oleh kiyai atau mengaji

umumnya yang menghukumkan pemakaian dasi, celana pantalon dan topi tadi sebagai haram (Deliar Noer 1980). Sultan Zainal Abidin III sendiri mengakui bahawa baginda merasakan sesuatu yang pelik apabila baginda mendapati orang-orang Islam di Mesir memakai pakaian orang barat iaitu bertali leher dengan baju berkollar sedangkan perkara tersebut berlawanan dengan hukum Islam. Baginda menyaksikan semua itu ketika singgah di Mesir dalam perjalanan menuaikan fardu haji di Mekah pada tahun 1913 (C.O 273/409 1914). Berdasarkan situasi semasa masyarakat Terengganu, isu berpakaian mengikut orang kafir sebenarnya bukan perkara kecil. Ia melibatkan kesucian akidah atau kepercayaan mereka kepada Allah dan menjadi perangsang kepada pertumbuhan sentimen anti kafir atau semangat jihad dalam kalangan mereka.

Selain daripada penduduk Hulu Telemong, gerakan imunisasi ini juga mendapat tentangan daripada penduduk di Hulu Marang. Pihak kerajaan telah menyalahkan Jusoh Hitam sebagai orang yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Keengganan penduduk di sini daripada membenarkan anak-anak mereka menerima suntikan cacar dikaitkan dengan gerakan Sarekat Islam di Hulu Marang yang didakwa dikenali oleh Jusoh Hitam. Jusoh Hitam dilaporkan menjadi ketua Sarekat Islam di kawasan tersebut yang mempunyai kira-kira 1000 orang ahli. Mereka dikatakan terpengaruh dengan Jusoh Hitam yang mendakwa bahawa ‘korek cacar’ merupakan perbuatan sengaja membawa kesakitan dan penderitaan kepada kanak-kanak seperti menyebabkan ‘tangan dekor’.....malah sehingga menyebabkan kematian (Suk. Tr. 755/1342). Beliau mendakwa ajaran agama Islam melarang umat Islam meminda ciptaan Allah S.W.T (Suk. Tr. 755/1342). Dalam kes di Hulu Marang, Pesuruhjaya Agama juga telah dilibatkan untuk menyoal siasat Jusoh Hitam kerana melarang orang ramai membenarkan anak mereka disuntik (Suk. Tr. 755/1342).

Dalam kedua-dua kes penentangan penduduk Telemong dan Hulu Marang terhadap gerakan vaksinasi pihak kerajaan, kepatuhan penduduk kepada larangan dalam ajaran Islam menjadi sebab kepada tindakan mereka. Malah pihak kerajaan secara terang-terangan menyalahkan golongan agama yang dikatakan menghasut rakyat supaya mengingkari perintah kerajaan. Disebabkan faktor dan tokoh agama yang menjadi punca penentangan masyarakat terhadap gerakan vaksinasi ini, maka kerajaan memberi tanggungjawab kepada Pejabat Agama Kerajaan Terengganu untuk menyelesaikan masalah ini. Walau bagaimanapun, Pejabat Agama Kerajaan Terengganu tidak menangani kes-kes tersebut sehingga ke akar umbi. Pesuruhjaya Agama dan Keadilan hanya memainkan peranan menyoal siasat tokoh-tokoh yang disyaki oleh pihak kerajaan menjadi dalang kepada keengganan penduduk daripada membenarkan anak-anak mereka disuntik termasuklah Haji Abdul Rahman Limbung (Suk. Tr. 1269/1342) dan Jusoh Hitam (Suk. Tr. 755/1342). Pejabat Hal Ehwal Agama tidak pula menjelaskan kepada orang ramai mengenai hukum menanam cacar dan hukum memakai ‘Cepiyau’ menurut ajaran Islam seperti yang didakwa oleh Haji Abdul Rahman Limbung. Begitu juga dakwaan beliau bahawa kepercayaan yang cuba disebarluaskan oleh kakitangan kerajaan bahawa suntikan cacar boleh memberi kesan bagi mengelakkan penyakit boleh menggugat kesucian akidah umat Islam.

Sepatutnya dalam keadaan begini, Pejabat hal Ehwal Agama mesti menjelaskan keraguan rakyat Terengganu mengenai permasalahan hukum tersebut. Dengan itu, peranan Pejabat Hal Ehwal Agama sebenarnya bukan untuk memperbaiki keadaan dan menyelesaikan keraguan orang ramai terhadap perkara tersebut yang didakwa dicetuskan oleh Haji Abdul Rahman Limbung dan Jusoh Hitam, sebaliknya Pejabat Hal Ehwal Agama berperanan menyiasat dan mencari kesalahan kedua-dua tokoh tersebut untuk membawa mereka ke muka pengadilan kerana menghasut orang ramai supaya mengingkari perintah kerajaan. Justeru, tidak ada penyelesaian yang dilakukan oleh Pejabat Hal Ehwal Agama dalam perkara ini. Dasar kerajaan atau pihak British terhadap rakyat jelas adalah untuk menghukum rakyat yang enggan menerima peraturan dan penguatkuasaan perintah mereka.

Isu ‘Ikut Peraturan Baru Jadi Kafir Atau Masuk Agama Kafir’

Penguatkuasaan peraturan baru bukan sahaja menyebabkan penduduk Terengganu terpaksa meninggalkan peraturan sedia ada malah mereka juga secara tidak langsung terpaksa mengiktiraf atau mengakui peraturan yang bukan berlandaskan syarak. Tindakan kakitangan kerajaan yang semakin tegas menguatkuasa segala peraturan baru dan menghukum penduduk yang enggan mematuhi menyebabkan para ulama semakin giat menjalankan kempen untuk menyelamatkan akidah umat Islam. Hukum mengenai kepimpinan dan kepatuhan kepada orang kafir serta pengiktirafan peraturan yang diperkenalkan oleh kerajaan yang dikuasai oleh orang kafir semakin diperkatakan oleh para ulama dengan jelas kepada orang ramai. Bagi Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Minangkabau, perkara ini merupakan kesalahan yang besar menurut hukum Islam. Segala peraturan baru dengan nyata dan terang dianggap sebagai peraturan kafir dan sesiapa yang mematuhi boleh menyebabkan mereka ‘jadi kafir’ atau ‘mengikut agama kafir’ (Suk. Tr., 1295/1346). Pegawai Daerah Kuala Berang melaporkan kepada pihak Kerajaan di Kuala Terengganu pada 2 Zulkaedah 1346 bahawa Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau mengajar penduduk Hulu Tersat bahawa terdapat ‘dalam kitab barang siapa membayar pas menebas dan hasil tanah jadi kafir’ (Suk. Tr., 1307/1346).

Dengan ini, para ulama menyebarkan pengajaran kepada penduduk hulu Terengganu bahawa kepatuhan kepada peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan yang dikuasai oleh orang kafir boleh menyebabkan mereka terjerumus kepada perkara yang merosakkan keimanan mereka kepada Allah. Ini adalah kerana perbuatan mereka tersebut secara tidak langsung menafikan undang-undang Islam yang syumul dan sesuai sepanjang zaman. Dengan bahasa yang mudah, mereka meninggalkan hukum Islam dan mengikut hukum ‘orang kafir’ atau mereka mengiktiraf hukum ‘orang kafir’ lebih sesuai diamalkan daripada hukum Islam. Tetapi bagaimana jika seseorang Islam itu tidak menyedari bahawa dia telah melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan dia syirik kepada Allah, lalu selamanya dia tetap berada di dalam kekufuran.

Perkara inilah yang cuba dielakkan oleh para ulama dan pemimpin penduduk hulu Terengganu daripada menimpa masyarakat Islam Terengganu dengan menegah mereka melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan keimanan mereka menjadi kurang sempurna tanpa mereka sedari. Isu akidah dan kepentingan umat Islam menjaganya menjadi soal utama yang menyebabkan para ulama dengan giat menjalankan kempen menggesa orang ramai menolak perundangan baru yang dengan jelas bertentangan dengan perundangan dan peraturan Islam.

Dalam ajaran Islam, persoalan yang mengancam akidah boleh menjerumus seseorang kepada kesalahan murtad yang merupakan kesalahan yang sangat besar. Ulama telah menggariskan perkara-perkara yang menyebabkan seseorang itu boleh menjadi murtad. Antaranya ialah apabila seseorang itu menghalalkan perkara-perkara yang telah diharamkan Allah dengan dalil qat'i seperti menghalalkan zina, minum arak, makan riba (Sa'id Haji Ibrahim 1996) dan termasuklah mengambil harta yang jelas menjadi milik orang lain. Perkara ini seperti menepati kes yang berlaku dalam kalangan penduduk Hulu Tersat ekoran tindakan kakitangan kerajaan menghalalkan tindakan orang-orang yang mengambil kesempatan tersebut. Begitu juga dengan tindakan kakitangan kerajaan yang memberikan tanah yang nyata merupakan milik seseorang kepada orang lain (Suk. Tr. 1295/1346).

Larangan ini dapat dilihat dengan jelas dalam Firman Allah (Surah al-Baqarah 2 : 188) yang bermaksud “Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa harta itu kepada hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian harta orang lain dengan jalan dosa, padahal kamu mengetahuinya.” Allah tidak membenarkan seseorang mukmin mengambil harta orang lain kecuali dengan cara yang disyariatkan. Firman Allah (Surah al-Nisa': 29) yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan secara batil kecuali jika itu jual beli atas dasar saling reda meredai.”

Menyentuh perkara ini, terdapat hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “ sesiapa yang mengambil sejengkal tanah dengan jalan zalim(aniaya), maka sesungguhnya tanah itu ketujuh lapisnya nanti pada hari kiamat akan dibebankan ke pundaknya (hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Dengan itu, hukum mengambil tanah yang telah dibuka atau dimiliki adalah haram (H. Silauman 1954). Situasi semasa yang dihadapi oleh penduduk hulu Terengganu akibat pelaksanaan peraturan baru oleh pihak kerajaan dikiaskan dengan hukum ini. Hal ini juga menunjukkan orang ramai peka yang perkara yang terjadi lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan ancaman kepada akidah mereka kepada Allah Ta’ala. Pertanyaan orang ramai yang melibatkan hukum dari segi akidah itu menunjukkan bahawa isu akidah ini sentiasa diambil berat oleh rakyat, hal ini bersesuaian dengan latar belakang mereka yang dididik dengan amalan tarekat dan tasawuf yang menuntut mereka menyucikan akidah mereka daripada perkara-perkara yang meragukan. Sebagai seorang Islam, mereka mesti mematuhi perintah dan hukum Allah. Sebab itulah mereka meminta penjelasan daripada Haji Musa Minangkabau yang menjadi tempat mereka merujuk masalah agama mereka (Suk. Tr., 1307/1346).

Ancaman peraturan baru kepada akidah umat Islam sudah diberi perhatian sejak awal lagi. Dalam isu imunisasi cacar, selain persoalan umat Islam dilarang menyerupai orang kafir berdasarkan konsep *tashabbuh*, Haji Abdul Rahman Limbung juga mempersoalkan dakwaan yang disebarluaskan kakitangan kerajaan kepada masyarakat bahawa tukang cungkil melakukan kerja-kerja menanam cacar untuk meninggalkan kesan atau bekas (Suk. Tr. 1269/1342). Bagi beliau yang berpegang dengan fahaman akidah ahli al-sunnah wa al-jamaah yang rigid, isu tukang cungkil yang mendakwa mereka boleh menyebabkan parut atau kesan kepada kanak-kanak mengikut pendapatnya merupakan satu kesalahan dari segi akidah dan merupakan sebagai ancaman kepada ketulenan ketauhidan seseorang kepada Allah. Kepercayaan yang disebarluaskan dalam kalangan masyarakat ini pada pendapat Haji Abdul Rahman Limbung adalah bertentangan dengan akidah Islam kerana bukan tukang cungkil yang boleh memberi kesan atau parut, sebaliknya hanya Allah yang berkuasa memberi kesan selepas kanak-kanak tersebut dicungkil. Beliau menegaskan, “...tidak memberi bekas lain daripada Allah Ta’ala” (Suk. Tr. 1269/1342). ”

Beliau berpendapat bahawa kenyataan ini boleh menimbulkan salah faham orang ramai dan mengancam ketulenan akidah umat Islam. Beliau ternyata berpegang teguh kepada satu daripada prinsip akidah ahli al-sunnah wa al-jamaah iaitu: “Allah Maha Pencipta segala sesuatu, tanpa ada kecualian-Nya. Tidak ada pencipta selain hanyalah Dia sahaja. Tidak ada suatu pun yang memberi bekas pada hakikatnya hanyalah Allah. Segala apa yang biasanya disebut sebab hanya Allah yang telah menciptakannya sedemikian. Sebab-sebab tersebut hanyalah sebab-sebab ‘ja’liyyah’ sahaja, yang pada hakikatnya tidak memberi bekas. Yang memberi bekas hanya Allah Azza Wajalla”. Dalam soal ini, Syeikh Ahmad al-Fatani ada membincangkan bahawa barang siapa mengiktikadkan bahawasanya sesuatu itu memberi bekas dengan Illah atau tabiatnya, yakni dengan zatnya maka tiada khilaf pada kufurnya (Wan Muhammad Saghir 1996).

Sebab itulah Haji Abdul Rahman Limbung menegaskan bahawa beliau tidak melarang kanak-kanak dicungkil tetapi ‘tukang cungkil’ mestilah berada dalam iktikad atau akidah yang betul (Suk. Tr. 1269/1342) atau dengan kata lain, tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menggugat kesucian akidah mereka dan orang ramai. Tindakan ulama ini memperlihatkan bahawa beliau melihat pelaksanaan imunisasi cacar ini melibatkan isu akidah merupakan perkara yang sangat besar. Mereka bertanggungjawab untuk menjaga akidah penduduk Terengganu supaya daripada menyeleweng daripada jalan yang sebenar. Hal ini menyebabkan Haji Abdul Rahman Limbung memberi amaran kepada masyarakat Terengganu mengenai perkara tersebut. Sebab itulah, timbul isu beliau melarang penduduk hulu Terengganu daripada membenarkan anak-anak mereka dicungkil.

Persoalan yang timbul ekoran pelaksanaan peraturan baru yang boleh mengancam akidah umat Islam juga menjadi agenda perjuangan Haji Musa Minangkabau. Beliau secara bersungguh-sungguh dan komited cuba menyedarkan orang ramai tentang ancaman peraturan baru terhadap akidah umat

Islam walaupun dipaksa oleh Pesuruhjaya Kuala Berang supaya menghentikan aktivitinya (Suk. Tr. 1268/1342). Ulama ini tidak mengungkapkan secara berterus terang mengatakan bahawa mengikut peraturan baru boleh mengancam akidah umat Islam, tetapi dikiaskannya secara halus. Ketika menjalankan tugasnya mengutip zakat padi di Kampung Bukit Gemuruh, beliau telah singgah dan sembahyang berjemaah di masjid mereka dengan penduduk Kampung Bukit Gemuruh pada bulan Ramadan 1346. Beliau telah mengambil peluang mengajar para jemaah yang hadir di surau tersebut dan bertanyakan kepada para jemaah apakah pilihan mereka, sama ada mereka hendak mengikuti hukum syarak atau hukum orang kafir. Walaupun para jemaah tidak menjawab soalannya, beliau terus mengajar dan menghuraikan hadis mengenai perang. Beliau juga telah menyatakan bahawa barang siapa yang tidak mengikut bagi hukum syarak itu, Nabi tiada menyahut umatnya (Suk. Tr., 1295/1346).

Peristiwa ini menunjukkan kesungguhan Haji Musa Minangkabau menyebarkan kepada penduduk Hulu Terengganu bahawa mereka mesti mengikut dan terus berpegang kepada hukum syarak dan tidak boleh mengikut peraturan baru. Tindakan Haji Musa Minangkabau menegah orang ramai mematuhi peraturan baru bertujuan untuk mencegah mereka daripada terjerumus kepada perkara yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah menyebabkan beliau telah disoal siasat oleh Pejabat Agama Kerajaan Terengganu. Beliau telah menafikan segala tuduhan yang dilaporkan oleh Pegawai Daerah Kuala Berang (Suk. Tr., 1307/1346). Hasil daripada soal siasat yang dilakukan oleh Pejabat Agama Terengganu mendedahkan bahawa Haji Musa Minangkabau bersungguh-sungguh untuk menyebarkan pengajaran beliau kerana isu yang timbul ialah isu akidah.

Ekoran daripada itu, beliau didapati telah menekankan persoalan akidah dalam pengajarannya kepada penduduk Hulu Tersat. Ini menunjukkan beliau cuba memantapkan pemahaman penduduk hulu mengenai akidah Islam kerana bimbang akidah mereka akan tergelincir bila menyangkut persoalan peraturan baru. Beliau menjelaskan kepada pegawai Pejabat Agama Terengganu bahawa pada bulan Rejab 1346, beliau telah mudik ke kampung-kampung orang Ulu iaitu dari Kuala Tajing hingga ke dalam Tersat untuk mengutip rezeki (zakat) padi daripada orang kampung. Beliau juga telah memenuhi hasrat orang kampung yang memintanya mengajar ilmu agama seperti hadis dan juga ilmu akidah. Beliau telah mengajar hadis "*irshad al-ibad*". Beliau juga telah mengajar sifat dua puluh. Dalam pengajarannya, Haji Musa menjelaskan perkara akidah yang paling banyak disentuh (Suk. Tr., 1307/1346). Haji Musa Minangkabau menjelaskan semasa mengajar tentang akidah inilah, ada orang kampung yang bertanyakan tentang hukum orang yang menghalalkan perkara yang diharamkan dalam Islam dan apakah hukum mengiktikadkan yang haram itu halal. Beliau menjelaskan bahawa dari segi iktikadnya, orang itu menjadi kafir murtad, sama hukumnya mengiktikadkan halal bagi orang yang memerintah harta orang lain, mengiktikad halal bagi perbuatan zina, minum arak atau sebagainya lagi (Suk. Tr., 1307/1346). Walaupun Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau didapati tidak mengaitkan secara berterus terang mengenai kepatuhan kepada peraturan baru boleh menjelaskan akidah umat Islam, tetapi beliau secara tidak langsung menjelaskan perkara yang boleh menjelaskan akidah umat Islam.

Pertanyaan penduduk hulu berkaitan dengan masalah akidah berhubung dengan perkara-perkara yang sedang berlaku pada masa itu. Mereka memerlukan penjelasan daripada Haji Musa Minangkabau mengenai kemosyikilan mengenai perkara tersebut apabila ulama ini menitikberatkan perkara-perkara yang boleh menjelaskan akidah mereka. Pertanyaan tersebut mungkin mempunyai kaitan dengan tindakan yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan apabila mereka berurusan dengan orang ramai khususnya dalam soal peraturan baru yang dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan iaitu pas tumpangan dan tanah huma. Ini adalah kerana mereka menguatkuasakan peraturan yang bertentangan dengan hukum Islam. Mereka mengambil pas menumpang tanah kerajaan ke atas tanah-tanah petani milik petani itu melalui sistem warisan, atau dimiliki mengikut kaedah *ihya' al-mawat*. Dengan tindakan ini, mereka menafikan hukum pewarisan dan hukum pemilikan melalui kaedah *ihyat al-mawat* dalam Islam. Dengan itu juga, mereka turut menafikan kesyumulan perundangan Islam.

Penduduk hulu juga mungkin mempersoalkan apakah hukumnya tindakan sesetengah penduduk yang mengambil kesempatan untuk kepentingan diri mereka dengan mengambil pas kebenaran bagi mengerjakan tanah huma. Apabila mereka memperolehi pas kebenaran, mereka bertindak mengerjakan tanah huma yang sudah dimiliki oleh orang lain tetapi pemiliknya tidak berani mengerjakan tanah mereka kerana mereka tidak mahu mengambil pas. Keengganan pemilik sebenar untuk mengambil pas adalah kerana mereka tidak mahu mengiktiraf peraturan baru yang dianggap sebagai peraturan kafir dan boleh menggugat akidah mereka. Pemilik tanah tidak boleh berbuat apa-apa kerana orang yang mengambil tanah mereka mempunyai pas kebenaran. Situasi ini menunjukkan bahawa mereka yang terlibat mengambil tanah orang kampung secara tidak sah dan ini dilarang oleh ajaran agama Islam. Keadaan ini menyebabkan orang ramai yang terlibat musykil lalu timbul persoalan supaya pihak kerajaan jelas tanah yang hak milik orang dengan tanah kerajaan (Suk. Tr., 1295/1346).

Penduduk hulu Terengganu menilai tindakan kakitangan Kerajaan Terengganu yang mengeluarkan pas kebenaran telah membenarkan satu kesalahan yang besar dilakukan iaitu membenarkan seseorang merampas hak milik orang lain. Sedangkan perkara ini sangat dilarang dalam ajaran Islam. Begitu juga kes yang lain seperti memberikan tanah hak milik orang kepada orang lain. Umpamanya kes yang diadukan oleh Che Wan Ahmad, yang mengadu bahawa beberapa keping tanah miliknya telah diberikan hak milik kepada orang lain oleh kaki tangan kerajaan (Suk. Tr., 1295/1346). Justeru, dalam masyarakat yang begitu tebal dengan sentimen agamanya dan dididik dengan ajaran tarekat dan tasawuf, mereka sudah tentu tidak dapat menerima perubahan yang dibawa oleh pihak kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila penguatkuasaannya begitu rigid, tanpa sebarang kompromi sedangkan semua peraturan baru tersebut bukanlah kewajipan yang diwajibkan oleh ajaran Islam yang kepatuhannya dituntut secara qat'i atau mutlak tanpa sebarang rungutan.

Jawapan yang diberikan oleh para ulama ini mengesahkan keraguan mereka tentang perkara tersebut dan mereka didapati semakin nekad menentang peraturan kerajaan kerana bimbang akidah mereka akan terpesong sekiranya mereka mematuhi undang-undang ‘kafir’ tersebut. Mereka sentiasa memiliki sifat takut keimanan mereka akan hilang dan mereka juga tidak mungkin akan meringankan syariat. Ini adalah kerana perkara-perkara ini termasuk dalam perbuatan yang membinaaskan iman kepada Allah S.W.T. Mereka sentiasa memastikan perbuatan mereka menepati syarat-syarat iman seperti kasih kepada Allah, malaikat, kitab, para nabi dan wali; dan juga membenci seteru atau musuh Allah, sentiasa takut kepada azab Allah dan sentiasa juga mengharapkan rahmat-Nya. Mereka juga tidak mungkin akan membiarkan keimanan mereka terkeluar daripada ruang lingkup kesempurnaan kalimah *shahadatayn* sedangkan kesempurnaan itulah yang diimpikan oleh mereka yang terdidik dengan didikan Tuk Ku Paloh dan murid-muridnya menggunakan jalan tarekat dan tasawuf. Jiwa mereka yang sarat dengan keimanan yang teguh menyebabkan mereka sensitif dengan soal yang melibatkan kesucian akidah mereka kepada Allah S.W.T.

Kesimpulan

Pelaksanaan peraturan baru yang dikuatkuasa oleh pihak Kerajaan ke atas penduduk Terengganu menyebabkan penduduk Terengganu yang dipimpin oleh para ulama berada dalam dilema. Mereka berada dalam dua persimpangan dan terpaksa memilih antara dosa dan hukuman. Ini adalah kerana peraturan baru tersebut bertentangan dengan peraturan sedia ada khususnya berkaitan dengan hukum tanah yang mengikut undang-undang Islam. Sebaliknya peraturan baru pula digubal berdasarkan undang-undang tanah British. Penerimaan peraturan baru boleh menjebak penduduk Terengganu kepada melanggar syariat Islam, antaranya menafikan kesyumulan undang-undang Islam yang sesuai sepanjang zaman. Di samping itu, sebagai umat Islam, mereka terikat dengan kewajipan mengikut atau mematuhi semua undang-undang Islam. Para ulama memainkan peranan besar dalam mengingatkan penduduk

Terengganu bahawa implikasi kepatuhan kepada peraturan baru menyebabkan mereka boleh terjebak kepada melakukan dosa besar iaitu sampai kepada tahap boleh membinaaskan kesucian akidah mereka kepada Allah S.W.T. Keimanan yang teguh kepada Allah S.W.T menyebabkan mereka mengikut nasihat dan pengajaran para ulama supaya tidak mematuhi peraturan baru, sebaliknya bersedia menerima hukuman daripada pihak kerajaan. Mereka rela kerugian harta kerana terpaksa membayar saman atau kehilangan hak milik mereka kerana tidak mahu mengambil pas kerajaan ataupun menderita dalam penjara daripada melakukan kesalahan dan berdosa kepada Allah S.W.T.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.O 273/409. Extracts from the British Agent Journal for the January 1914.
- C.O 840. The Annual Report on The State Of Terengganu For the Year 1923.
- Deliar Noer. 1980. *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES, 1980.
- H.Sulaiman Rashid. 1954. *Fiqh Islam, Hukum Fiqh Lengkap*, Jakarta: Penerbit Attahiriyah
- Lailatul Qodriyah. 2019. Implementasi Hadis Tashabbuh Dalam Menanggapi Fenomena Fanatisme K-Popers di Indonesia (Studi Ma'anil Hadith Dalam Sunan Abu Dawud No Indeks 4031). Disertasi Sarjana Program Studi Ilmu Hadis Fakultas Ushuluddin dan Filsafat Universiti Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. 1990. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Sa'id Haji Ibrahim. 1996. *Qanun Jenayah Shar'iyyah dan sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam Berdasarkan Qur'an dan Hadith*, Kuala Lumpur : Dar al-Ma'rifah.
- Suk. Tr. 1269/1342, Laporan penyiasatan Pejabat Agama Terengganu ke atas Haji Abdul Rahman Limbung pada 4 Zulhijjah 1342H.
- Suk. Tr. 755/1342, Perlawan Korek Chachar oleh Jusoh Hitam di Dalam Marang, Pejabat Pesuruhjaya Marang dan Merchang kepada Medical Officer Kerajaan Terengganu, 1 Rejab 1342; Laporan Mahkamah Majistret 1 Jenayah Kerajaan Terengganu, 28 Zulhijjah 1342.
- Suk. Tr. 755/1342, Perlawan Korek Chachar oleh Jusoh Hitam di Dalam Marang, Laporan Mahkamah Majistret 1 Jenayah Kerajaan Terengganu, 28 Zulhijjah 1342.
- Suk. Tr. 755/1342,Laporan Mahkamah Majistret 1 Jenayah Kerajaan Terengganu, 28 Zulhijjah 1342, Laporan Penyiasatan Pesuruhjaya Agama Terengganu, 16 Rejab 1342.
- Suk. Tr., 1268/1342, Surat Pesuruhjaya Kuala Berang kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu, 7 Zulkaedah 1342.
- Suk. Tr., 1269/1342, Orang Telemung Tidak Mengikut Aturan Kerajaan Dengan Ajaran Haji Abdul Rahman Limbung.
- Suk. Tr., 1295/1346, Catatan Dato' Lela, 11 Zulkaedah 1346.
- Suk. Tr., 1295/1346, Pengaduan En. Wan Ahmad Kampung Chelah Dalam Kelemin, 16 Zulkaedah 1346.
- Suk. Tr., 1295/1346, Pengaduan En. Wan Ahmad Kampung Kuala Chelah Dalam Kelemin, 16 Zulkaedah.
- Suk. Tr., 1295/1346, Pengaduan Orang Ulu, 15 Zulkaedah 1346.

- Suk. Tr., 1295/1346, Surat Tuan Long kepada Hakim Kuala Berang, 25 Zulkaedah 1346.
- Suk. Tr., 1307/1346, Haji Musa Orang Minangkabau Mengajar di kampung Hulu Tersat, Berang. Barangsiapa membayar pas menebas dan hasil tanah jadi kafir.
- Suk. Tr., 1307/1346, Laporan Pejabat Agama Kerajaan Terengganu, 6 Zulkaedah 1346.
- Suk. Tr., 599/1342, Surat Haji Abdul Rahman Limbung kepada Pesuruhjaya Tanah Kerajaan Terengganu, 2 Rabi'ul Akhir 1342.
- Suk. Tr.1307/1346, Surat Pegawai Daerah Kuala Berang kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu, 2 Zul Kaedah 1346.
- Suk.Tr 1295/1346, Surat Wan Mahmud, bekas Pegawai Daerah Kuala Berang kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu, 6 Muharam 1347.
- Suk.Tr,1269/1342, Report Pegawai Hubatan Kerajaan Terengganu kepada Setiausaha Kerajaan Terengganu, 12 Jun 1924.
- Timah Hamzah, *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu, Satu kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbung*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Faridatul Fara'id Syeikh Ahmad al-Fathani Aqidah ahlus Sunnah wal Jamaah Yang Sejati*, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah, 1996.